

# Qalam

KDN 1275

<b>Bilangan</b>	<b>183</b>	–	<b>60</b>	<b>sen</b>	
<b>Jamādi</b>	<b>al-Akhir</b>	<b>1385</b>	–	<b>Oktober</b>	<b>1965</b>

## Salah kira?

Langkahan Tengku mengeluarkan Singapura dari Malaysia dipandang oleh sebahagian orang sebagai suatu langkah yang tergesa-gesa dan tidak dihalusi dengan berunding dengan semasak-masaknya. Kekhuatiran yang menjadikan Tengku mengambil langkah itu, dapat difaham daripada apa yang tersiar, ialah timbulnya masalah-masalah perkauman yang dikhuatirkan oleh Tengku akan boleh jadi menumpahkan darah bukannya sahaja di Singapura tetapi akan merebak ke seluruh Malaysia dan dengan yang demikian keadaan Malaysia yang sedang dikonfrontasikan oleh Indonesia itu akan menghadapi suatu hal yang tidak diingini dari dalam.

Langkah Tengku mengambil jalan demikian sekali imbas adalah menjadi suatu perkara yang boleh dipandang bijak tetapi langkah yang demikian tidak akan dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi iaitu masalah pertentangan kaum dengan kaum di Tanah Melayu ini. Mereka yang tidak bersetuju dengan langkah Tengku ini, terutamanya daripada lingkungan-lingkungan orang-orang yang cintakan Tengku sendiri memandag:

1. Langkah yang besar ini diambil dengan bersendirian dan Jawatankuasa-jawatankuasa Agung UMNO ataupun Perikatan tidak diminta fikirannya padahal di dalam

perkara-perkara kecil tidak putus-putusnya mereka dibawa berunding;

2. Memisahkan Singapura bermakna menegakkan sebuah negara bebas yang penduduknya 80 peratus lebih orang-orang Cina, terletak di tengah-tengah lingkungan Kepulauan Melayu yang dipandang mereka sebagai duri dalam daging;
3. Masalah bidas-membidas di dalam negeri yang sudah berjiran ini, dengan perpisahan itu tidak akan dapat dihapuskan selagi corak pemerintahan di Singapura sekarang berubah, dan
4. Langkah yang diambil Tengku tidak tegas dan sentiasa berlemah lembut, padahal keadaan dan masa tidak membenarkan. Umat Melayu terutamanya menghendakkan tiap-tiap sesuatu langkah yang bakal merosakkan orang-orang Melayu dijalankan dengan tegas.

Baharu beberapa bulan sahaja Singapura keluar dari Malaysia, di dalam masa Tengku berikhtiar merapatkan hubungan-hubungan di antara Malaysia dengan Singapura maka Tengku terpaksa mengeluarkan suara lagi memberi amaran dengan cara rasmi kepada kerajaan Singapura yang dipandang telah mencampuri hal ehwal di dalam Malaysia. Telatah yang dibuat oleh Perdana Menteri Singapura sangat tidak menyenangkan kerajaan Malaysia dan bermulalah semula, sebagai permulaan bidas-membidas di antara kedua negara yang tadinya bersatu di dalam Malaysia.

Dengan ini maka ada golongan-golongan yang berasa kesal terhadap kepada perbuatan Tengku mengeluarkan Singapura daripada Malaysia yang telah menjadi sebagai duri dalam daging yang sukar hendak mengubatinya. Ada orang yang sangat mengesalkan perbuatan Tengku tidak mahu bertindak mengambil kuasa di Singapura di dalam masa ia di dalam Malaysia